

## **Fiesta Antarabangsa UMP Bakal Pamer Kebudayaan dan Juadah Tradisi Negara Luar**



Kuantan, 19 Oktober- Penganjuran Program International Fiesta 2017 bertemakan “*Communitizing Internationalization*” pada 27 hingga 29 Oktober ini di Kompleks Sukan UMP Gambang bakal menggalakkan penyertaan komuniti setempat dalam pelbagai aktiviti melibatkan penyertaan bukan sahaja dalam kalangan pelajar dan staf antarabangsa malahan bersama penduduk setempat.

Menurut Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Prof Madya Dr Ainol Haryati Ibrahim berkata, komuniti antarabangsa ump hampir 1000 terdiri dari 700 pelajar antarabangsa dan staf serta ahli keluarga dari 33 buah negara. Mereka akan mempersembahkan keunikan budaya masing-masing melalui pameran kebudayaan, penyediaan juadah yang mempunyai citarasa yang berbeza serta persembahan kebudayaan negara masing-masing.

"Selain itu dapat mempromosikan agenda Internationalization @ Home yang mana komuniti UMP berpeluang memperoleh pengalaman silang budaya di samping memperkayakan pengalaman pembelajaran dan menggalakkan integrasi antara kaum dan bangsa," katanya.

Manakala penyertaan komuniti luar UMP ini bakal memberi peluang mereka memperoleh pengalaman perkongsian budaya berbeza dengan berinteraksi lebih dekat bersama komuniti antarabangsa UMP. Secara tidak langsung ianya menjurus ke arah keharmonian bangsa dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian.

Suasana persekitaran antarabangsa yang disemai melalui penganjuran program seperti ini juga memberi pengalaman yang menarik kepada pelajar tempatan dan antarabangsa. Bagi menggalakkan penyertaan komuniti , orang ramai dijemput hadir dan mengambil bahagian dalam beberapa acara dan pertandingan.

Di antaranya adalah Pameran Kebudayaan, *Language Corner* – Mari belajar Bahasa, Trivia Questionnaire, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Indoor Games / Sukan Rakyat, Kempen Derma Darah, Karnival Jualan, Pertandingan Swafoto bersama Komuniti Antarabangsa,Fashion Show dan Pertandingan Menyanyi Multilingual.

Turut berlangsung Program Mini Karnival Sukan dengan kerjasama di antara Pejabat Antarabangsa & Pusat Sukan UMP berbentuk acara telematch bersama IPT di sekitar Kuantan dan acara sukan tradisional rakyat bagi memperkenalkan keunikan budaya masing-masing.Terdapat juga karnival jualan dan 'food truck' untuk dikunjungi.

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 19-10-2017, 16:45:36